



Universiti Malaya

Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian

dan sistem ini saya manfaatkan

Capaian Maklumat

Sistem Jadual Waktu Elektronik

Nama : MOHD NIZAM B. MOHD NOH
No. Matriks : WEK 98346

Penyelia : Prof. Madya Dr. Rozia Zainuddin
Moderator : Dr. Rukaini Hj. Abdullah

WXES3182
Projek Ilmiah Tahap Akhir II



Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

ABSTRAK

Projek Ilmiah Tahap Akhir II (WXES3182) ini merupakan salah satu keperluan kursus yang perlu diambil sebelum seseorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer itu bergelar graduan universiti. Bagi tujuan itu saya telah membuat keputusan membina suatu sistem pentadbiran jadual waktu untuk Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan sistem ini saya namakan sebagai Sistem Jadual Waktu Elektronik (SJWE).

SJWE ini dibangunkan oleh dua orang dan setiap orang membuat domain yang berlainan. Rakan saya Mohd. Sirhan Shahrani Bin Mt. Salleh membuat bahagian pentadbiran jadual waktu (*Administration*) di mana bahagian ini meliputi kerja-kerja yang perlu mempertimbangkan proses-proses yang perlu dijalankan sebelum suatu jadual waktu itu siap dibina. Semua proses ini perlu diprogramkan menjadi suatu sistem yang dapat mengubah cara traditional membuat jadual waktu kepada suatu sistem elektronik dan berteknologi maklumat. Manakala, saya Mohd. Nizam bin Mohd Noh pula dikehendaki menyiapkan bahagian perolehan/capaian data (*Data retrieval*). Bahagian ini akan berfungsi mempersempitakan maklumat daripada jadual waktu yang telah siap kepada pengguna.

Sistem ini merupakan suatu sistem yang berfungsi dalam persekitaran intranet sahaja memandangkan keperluannya hanya untuk pentadbiran jadual waktu (FSKTM). Dalam membangunkan sistem ini beberapa aplikasi Kepintaran Buatan (AI) telah cuba diterapkan ke dalam SJWE ini seperti penggunaan kaedah *reasoning* berdasarkan *rule*. Selain itu aspek-aspek keselamatan dan keperluan sistem juga turut ditekankan dalam SJWE ini sepetimana yang telah dipelajari dalam kursus-kursus yang diambil.

Walaupun tugas ini agak mencabar, saya akan mencuba dengan sedaya-upaya untuk merealisasikan sistem ini dengan baik. Pengalaman membangunkan sistem ini amat berharga dalam hidup saya dan akan menjadi panduan saya pada masa hadapan jika saya dikehendaki membina sistem.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan rahmatNya saya telah diberi kekuatan dan ketabahan dalam melengkapkan projek Latihan Ilmiah II– WXES 3182.

PENGHARGAAN

SENARAI KANDUNGAN

Sekalung penghargaan ingin saya ucapkan kepada individu-individu berikut atas bantuan, sokongan dan dorongan:

1. Prof. Madya Dr. Roziati Zainuddin yang telah sudi memberi panduan, nasihat serta menyelia projek ini.
2. Dr. Rukaini Hj. Abdullah yang telah memberi idea serta menjadi moderator bagi projek ini.
3. Pihak fakulti terutamanya Puan Hannyzurra Pal @ Affal selaku ahli jawatankuasa jadual waktu FSKTM yang memberi sedikit sebanyak penerangan tentang jadual waktu.
4. Keluarga yang telah memberi sokongan dan dorongan.
5. Rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu.

Terima kasih atas segala bantuan dan diharapkan bantuan tersebut membawa kejayaan kepada projek ini.

Mohd Nizam bin Mohd Noh

Sarjana Muda Sains Komputer

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Universiti Malaya

Kuala Lumpur.

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI RAJAH & JADUAL.....	vi
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Penyataan Masalah	1
1.2 Sistem yang dicadangkan: Jadual Waktu Elektronik	2
1.3 Hasil yang dijangkakan	4
BAB 2: KAJIAN LITERASI	
2.1 Definisi	6
2.2 Kepintaran dalam Kepintaran Buatan (AI)	7
2.3 Pembangunan Sistem AI Yang Lain	11
2.4 Teknologi Data	13
2.5 Teknologi Pemprosesan Pangkalan Data	15
2.6 Metodologi	17
2.7 Bahan Literasi Yang Lain	22
2.8 Pemerhatian Jadual Waktu FSKTM Sekarang	26
2.9 Pemerhatian Sistem Lain Yang Berkaitan Dengan Projek	27
BAB 3: ANALISIS SISTEM	
3.1 Pemilihan Metodologi Pembangunan	30
3.2 Analisis Keperluan	34
3.3 Pemilihan Perisian	38
3.4 Keperluan Perkakasan	40

F. Penilaian Masa / Bilik Kursus	82
G. Sistem Penilaian	84

BAB 4: REKABENTUK SISTEM

LAMPIRAN 4.1 Proses Rekabentuk	41
4.2 Rekabentuk Senibina	42

BAB 5: IMPLEMENTASI & PENGUJIAN SISTEM

5.1 Persekitaran Pembangunan.....	51
5.2 Pembangunan Sistem.....	52
5.3 Proses Pengujian Sistem.....	53
5.4 Jenis-jenis Pengujian	56
5.5 Kesimpulan.....	60

BAB 6: PENILAIAN SISTEM & RUMUSAN

6.1 Penilaian Sistem.....	61
6.2 Peningkatan Masa Depan.....	64
6.3 Masalah Yang Dihadapi & Penyelesaiannya.....	65
6.4 Pengetahuan Yang Didapati.....	66
6.5 Rumusan.....	67

RUJUKAN	68
----------------------	----

MANUAL PENGGUNA

A. Memulakan SJWE.....	69
B. Jadual Kursus.....	70
C. Jadual Pelajar.....	72
D. Jadual Pensyarah.....	76
E. Tempahan Bilik.....	79

	F. Penukaran Masa / Bilik Kursus.....	82
	G. Status Permohonan.....	84
Rajah 1	H. Notis.....	86
Rajah 2	Struktur Penyelidikan Pemohonan Berdasarkan Keperluan.....	9
Rajah 3	LAMPIRAN.....	15
Rajah 4	Rajah Air Terjun.....	17
Rajah 5	Model V.....	18
Rajah 6	Model Pengintegrasian Pemas.....	19
Rajah 7	Model GUIDE.....	20
Rajah 8	Model Air Terjun Terubah Dengan Prototipe.....	31
Rajah 9	Komponen SJWE.....	41
Rajah 10	Model Pengguna.....	42
Rajah 11	Proses Langkah Paparan Jadual Waktu dan Nombor Peringkat.....	43
Rajah 12	Proses Langkah Proses Jadual Pengerjaan Projek.....	44
Rajah 13	Persekitaran Pengguna.....	45
Rajah 14	Pembangunan Sistem.....	46
Rajah 15	Perisian Pengguna.....	47
Rajah 16	Struktur Sistem.....	48
Rajah 17	Struktur Sistem.....	49
Rajah 18	Struktur Sistem.....	55
Jadual 1	Senarai Komponen Pengguna.....	16
Jadual 2	Pendekatan Tugas.....	32
Jadual 3	Perisian Pembangunan Sistem.....	52

SENARAI RAJAH & JADUAL

Rajah 1	Konsep Rangkaian Semantik.....	8
Rajah 2	Struktur Penyelesaian <i>Reasoning</i> Berdasarkan Kes.....	9
Rajah 3	Senibina Pangkalan Data Pelayan-Pelanggan.....	15
Rajah 4	Model Air Terjun	17
Rajah 5	Model V.....	18
Rajah 6	Model Pemprototaipan Pantas.....	19
Rajah 7	Model GUIDE.....	20
Rajah 8	Model Air Terjun Terubah Dengan Prototaipan.....	31
Rajah 9	Komponen SJWE.....	41
Rajah 10	Modul Pengguna.....	42
Rajah 11	Proses bagi Paparan Jadual Waktu dan Jadual Pensyarah.....	43
Rajah 12	Proses bagi Paparan Jadual Persendirian Pelajar.....	44
Rajah 13	Proses bagi Tempahan Bilik.....	45
Rajah 14	Proses bagi Semak Status Permohonan.....	46
Rajah 15	Proses bagi Modul Notis.....	47
Rajah 16	Cadangan Antaramuka Penguna 1.....	48
Rajah 17	Cadangan Antaramuka Pengguna 2.....	49
Rajah 18	Proses Pengujian Sistem.....	55
Jadual 1	Peranan Komputer Pelanggan.....	16
Jadual 2	Penjadualan Tugas.....	32
Jadual 3	Perisian Pembangunan Sistem.....	52

Projek ini bertujuan memberi solusi bagi mengatasi masalah pembinaan jadual waktu FSKTM yang tidak ada sejara murah dan tiadaanya capaian maklumat yang mudah yang berkaitan dengan jadual waktu dan tempahan bilik.

Projek ini dibahagikan kepada 2 bahagian: pentadbiran sistem dan capaian maklumat oleh pengguna. Pentadbiran sistem dibangunkan oleh Mohd Sirhan Shahruddin bin Md Salleh manakala saya Mohd Nizam bin Mohd Noh membangunkan capaian maklumat.

Bab 1

1.1 Tinjauan Sistem Capaian Maklumat Sekarang – Penyatakan Masalah

Capaian maklumat FSKTM kini yang berkenaan dengan

Pengenalan

1. Jadual Waktu Kursus

- * Dicapai melalui laman web rasmi fakulti <http://www.fsktm.um.edu.my> atau paper nota di GMAIL.
- * Tidak dapat diantaraikannya mengikut kehendak pengguna iaitu pilih peringkat, penyayang, dan pelajar.

2. Status Tempahan Bilik

- * Tiada capaian secara langsung; pengguna perlu mencapainya secara manual melalui pejabat fakulti.
- * Tempahan bilik untuk tujuan mesyuarat, kuliah ganti, tutorial dan makmal, dilakukan dengan pengurusan borang kertas.

3. Perkara dan Lokasi Penyiarah

Projek Jadual Waktu Elektronik ini dijalankan bagi mengatasi masalah pembinaan jadual waktu FSKTM kini yang dilakukan secara manual dan tiadanya capaian maklumat yang mudah yang berkaitan dengan jadual waktu dan tempahan bilik.

Projek ini dibahagikan kepada 2 bahagian: pentadbiran sistem dan capaian maklumat oleh pengguna. Pentadbiran sistem dibangunkan oleh Mohd Sirhan Shahrani bin Mt. Salleh manakala saya Mohd Nizam bin Mohd Noh membangunkan capaian maklumat Jadual Waktu Elektronik.

1.1 Tinjauan Sistem Capaian Maklumat Sekarang – Penyataan Masalah

Capaian maklumat FSKTM kini yang berkenaan dengan:

1. Jadual Waktu Kursus

- Dicapai melalui laman web rasmi fakulti <http://www.fsktm.um.edu.my> atau papan notis di fakulti.
- Tidak dapat dimanipulasi strukturnya mengikut kehendak pengguna iaitu pihak pentadbiran, pensyarah, dan pelajar.

2. Status Penggunaan Bilik

- Tiada capaian secara langsung; pengguna perlu mencapainya secara manual melalui pejabat fakulti.
- Tempahan bilik untuk tujuan mesyuarat, kuliah ganti, tutorial dan makmal, dilakukan dengan penggunaan borang kertas.

3. Pemasaan dan Lokasi Pensyarah

- Ketua jabatan terutamanya sukar untuk mengadakan mesyuarat jabatan kerana sukar untuk mengetahui jadual setiap pensyarah jabatan.
- Pemeriksaan jadual waktu kursus dilakukan untuk mendapatkan maklumat jadual setiap pensyarah jabatan – memakan masa dan rumit.

1.2 Sistem yang dicadangkan: Jadual Waktu Elektronik

Apakah Sistem Jadual Waktu Elektronik?

- Sistem yang dapat menjanakan jadual waktu secara automatik melalui aplikasi berkomputer.
- Pentadbiran dan capaian maklumat sistem berorientasikan intranet dan senibina pelanggan-pelayan.

Tujuan Projek

- Membangunkan sebuah sistem jadual waktu elektronik yang baru.
- Mengatasi segala masalah dan kelemahan sistem manual yang berkaitan dengan jadual waktu.

Objektif Projek

- Mengubah cara tradisional yang digunakan dalam membina dan menyusun jadual waktu kepada suatu sistem yang lebih sistematik dan pantas.
- Menjadi suatu sistem pemasaran dan rujukan yang dapat membekalkan informasi kepada pelajar-pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan FSKTM tentang jadual waktu.

- Dapat menjadi suatu sistem yang pintar dan fleksibel dalam menghadapi kepelbagaiannya penjadualan seperti pentindihan dalam jadual waktu, pemasaan pensyarah dan penggunaan bilik-bilik.
- Mengurangkan masa dan kerja yang diperlukan dalam membina jadual waktu.
- Memudahkan kerja-kerja dalam mentadbir dan kemaskini jadual waktu.
- Sebagai suatu sistem yang boleh pelajar gunakan dalam merancang jadual waktu semester sebelum pendaftaran subjek.
- Dapat memudahkan segala urusan penggunaan dan tempahan dewan kuliah, bilik kuliah dan makmal komputer.
- Dapat mengetahui status pensyarah dan status bilik pada masa-masa yang dikehendaki.

Skop Projek

- Sistem jadual waktu ini hanya memaparkan jadual waktu untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat.
- Pengguna sistem ini ialah pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan FSKTM yang bertanggungjawab membina dan menyelenggarakan jadual waktu.
- Dalam sistem ini pengguna dapat mengetahui status pensyarah dan bilik yang digunakan untuk pembelajaran.
- Status bilik mesyuarat juga dimasukkan bagi memudahkan pengguna terutamanya pihak atasaran mengadakan mesyuarat.
- Sistem ini hanya digunakan dalam persekitaran intranet sahaja.
- Sistem ini dibina mengikut kekangan yang sedia ada dan diguna pakai oleh FSKTM.

Kajian literasi dilakukan untuk meningkatkan pemahaman tentang sistem yang akan dibuat.

Bebberapa cara pencarian maklumat digunakan untuk meningkatkan pemahaman saya untuk membengunkan projek Sistem Jadual Waktu Elektronik ini.

Antara cara-cara tersebut:

Bab 2

1. Bahan dan Idea Dari Pada Penyelia

Bahan-bahan bacaan diberikan oleh penyelia projek iaitu Prof. Madya Dr. Rozati Zainuddin bagi meningkatkan pemahaman saya tentang cara membuat kajian sistem. Idea-idea beliau juga dicantum pada dalam maklumat sistem.

Kajian Literasi

Bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel online dan lata yang dikumpul deripada pelbagai sumber. Bahagian ini dilakukan dari perspektif dan teknik dokument. Bahan ini berkenaan dengan topik seperti metodologi, analisis, reka bentuk sistem, dan perancangan sistem.

Pelbagai sumber dihayari untuk mewujudkan maklumat serta mengaji bagaimana maklumat jadual waktu dilakukan penggunaan algoritma. Selain itu saya turut meramalkan bahan-bahan web yang berkaitan dengan capaian maklumat ke atas jadual waktu dan mencari kekurangan serta kelobutan sesuatu bahan tuah ini.

2. Internet

Tentu sahaja dijenayah dengan ahli jawatankuasa jadual waktu FSKTM Universiti Malaya. Puan Hamizurrus Pal@Affaf. Mengkaji cara mereka menghasilkan

Kajian literasi dilakukan untuk meningkatkan pemahaman tentang sistem yang akan dibuat.

Kajian Literasi

Beberapa cara pencarian maklumat digunakan untuk meningkatkan pemahaman saya untuk membangunkan projek Sistem Jadual Waktu Elektronik ini. Antara cara-cara tersebut:

i. *Bahan dan Idea Daripada Penyelia*

Bahan-bahan bacaan diberikan oleh penyelia projek iaitu Prof. Madya Dr. Roziatil Zainuddin bagi meningkatkan pemahaman saya tentang cara membuat kajian sistem. Idea-idea beliau juga diguna pakai dalam merekabentuk sistem.

ii. *Bahan Bacaan*

Bahan-bahan bacaan seperti buku, jurnal, majalah dan tesis yang dikumpul daripada pelbagai sumber. Bahan-bahan ini didapatkan dari perpustakaan dan bilik dokumen. Bahan ini berkaitan dengan topik seperti metodologi, analisis, rekabentuk sistem, dan perisian pembangunan.

iii. *Internet*

Pelbagai laman Internet dilayari untuk mendapatkan maklumat serta mengkaji bagaimana penghasilan jadual waktu dilakukan: penggunaan algoritma. Selain itu saya turut memerhatikan laman-laman web yang berkaitan dengan capaian maklumat ke atas jadual waktu dan mencari kekurangan serta kelebihan sesuatu laman web itu.

iv. *Temuramah*

Temuramah dijalankan dengan ahli jawatankuasa jadual waktu FSKTM Universiti Malaya: Puan Hannyzzurra Pal@Affal. Mengkaji cara mereka menghasilkan

jadual waktu, masalah yang mereka hadapi dan penyelesaian yang mereka cadangkan.

A timetable or schedule is a description of a movement of resource over time.

v. **Kaji Selidik** “*in a certain aim or aims, and or subject to a set of constraints.”*

Borang kaji selidik diedarkan kepada para pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan maklumbalas mereka tentang keberkesanan sistem yang sedia ada dan cadangan mereka untuk memperbaiki sistem tersebut. Satu kesimpulan dan fakta berstatistik juga dapat dihasilkan.

Daripada definisi diatas, Sistem Jadual Waktu Elektronik ialah suatu jadual waktu yang dibentuk dengan penggunaan aplikasi komputer. Manakala, Sistem Jadual

2.1 DEFINISI

Sistem Jadual Waktu Elektronik ialah sistem pengembalian dan interpretasi data yang disimpan tentang jadual waktu dengan penggunaan aplikasi komputer.

Sistem ialah suatu koleksi bahagian atau elemen yang tersusun, seperti manusia, mesin, metod, dan maklumat, disatukan oleh interaksi teratur dan direkabentuk atau diperlukan bagi menyempurnakan suatu tujuan tertentu atau mencapai suatu objektif tertentu. Apabila sistem itu berasaskan komputer, keseluruhan sistem dipanggil suatu sistem operasian [1].

Capaian maklumat ialah proses pengembalian dan interpretasi data yang disimpan, termasuklah prosedur, teknik, dan aktiviti yang berkaitan yang terlibat, seperti pemilihan dan penggunaan peralatan simpanan, persediaan rutin simpanan dan carian, mekanisasi data, pengindeksan data yang disimpan, dan pengkodan data tersebut [1].

Jadual waktu ialah susunan perkara-perkara (mata pelajaran di sekolah) mengikut (waktu jam dan hari) [2].

Menurut K.Johnson, 1980: *“The complicated timetable may well rule the lives of a thousand pupils and seventy staff for 200 days in the school year, period by period, bell by bell. Such a powerful tool may easily make us break teachers and teaching situation.”*

Beliau juga berpendapat terdapat 2 makna formal bagi jadual waktu iaitu:

- i. “A timetable or schedule is a description of a movement of resource over time, often to achieve a certain aim or aims and or subject to a set of constraints.”
- ii. “A feasible timetable or schedule is one that satisfies its associated set of constraint.”

Daripada definisi-definisi ini, Sistem Jadual Waktu Elektronik ialah suatu jadual waktu yang dihasilkan dengan penggunaan aplikasi komputer. Manakala, Sistem Capaan Maklumat Jadual Waktu Elektronik ialah sistem pengembalian dan interpretasi data yang disimpan tentang jadual waktu dengan penggunaan aplikasi komputer.

2.2 KEPINTARAN DALAM KEPINTARAN BUATAN (AI) [3]

Fokus AI ialah memahami bagaimana manusia membuat keputusan (*reason*) dan berfikir dan kemudian menterjemahkan pemahaman tersebut ke sistem komputer supaya sistem itu dapat melakukan perkara yang sama.

Bagaimana Komputer Melakukan *Reasoning*?

Sebuah komputer yang mempunyai keupayaan *reasoning* telah disediakan dengan satu set model automasi yang boleh mensimulasi setiap pendekatan *reasoning* utama yang terdapat dalam kognitif manusia.

Metod-metod yang digunakan oleh perekabentuk sistem AI untuk membina sebuah sistem *reasoning* menggunakan komputer adalah berdasarkan proses dan mekanisma berikut: *reasoning* berdasarkan *rule*, rangka (*frames*), *reasoning* berdasarkan kes, dan pengecaman corak.

Reasoning Berdasarkan Rule

Sebuah sistem *reasoning* AI menggunakan *rules* sebagaimana yang dilakukan oleh manusia. Proses ini bermula dengan sebuah komputer diberi ciri-ciri ruang masalah dalam bentuk nilai-nilai input. Kemudian komputer tersebut menggunakan *rules* yang terdapat dalam pangkalan pengetahuannya bagi menukar keadaan ruang masalah kepada keadaan yang dikehendaki. Setiap rule terdiri daripada dua bahagian: (1) *operator* yang melakukan perubahan keadaan dan (2) *keadaan* yang menentukan bila sesuatu operator itu boleh dilaksanakan.


Pembentukan *rule* ini terdiri daripada suatu bentuk pernyataan JIKA-MAKA (*IF-THEN*) seperti yang ditunjukkan berikut:

JIKA *keadaan* MAKA *operator*

Jika suatu keadaan didapati benar secara logikal, maka operator tersebut akan dilaksanakan. Jika suatu keadaan didapati palsu secara logikal, maka operator tersebut tidak dilaksanakan dan *rule* yang seterusnya akan dicapai. Proses ini berterusan sehingga sama ada ruang masalah mencapai keadaan yang dikehendaki atau semua *rule* dalam pangkalan pengetahuan telah pun diperiksa.

Rangka

Konsep rangka mula dikemukakan oleh Marvin Minsky (1975) sebagai kembangan logikal kepada formalisme pengkodan pengetahuan yang dikenali sebagai rangkaian semantik. Dalam rangkaian semantik, konsep atau entiti diwakili sebagai nod-nod dan anak panah yang menyambungkan nod-nod yang mewakili perkaitan antara nod-nod tersebut. Rajah 1 menunjukkan konsep rangkaian semantik.



Rajah 1: Konsep Rangkaian Semantik


Penerapan Corak

Reasoning Berdasarkan Kes

Reasoning berdasarkan kes dibina atas pernyataan bahawa manusia menggunakan suatu *reasoning* melalui pendekatan analogi atau pengalaman untuk mempelajari dan menyelesaikan masalah-masalah kompleks. Proses *reasoning* berdasarkan kes melibatkan dua langkah utama: (1) mencari kes-kes dalam simpanan yang telah diselesaikan masalahnya yang serupa kepada masalah sekarang dan (2) menyesuaikan penyelesaian yang terdahulu supaya sepadan dengan konteks masalah sekarang. Rajah 2 menunjukkan carta alir tentang struktur penyelesaian dalam *reasoning* berdasarkan kes.

Selain perancangan corak yang tuju diantara manusia, cap jari, atau sehingga manusia mengenalinya dengan melaiki fotografi atau imej video mereka secara sifistik. Dalam dunia teknologi penyelesaian corak yang terdahulu menghadapi masalah kelebihan dan ketidak-sesuaian, aplikasi pada masa kini tentang algoritma

pengalaman yang dia telah memberarkan peningkatan dalam kebolehpercayaan dan kepuasan pengguna.



Rajah 2: Struktur Penyelesaian *Reasoning* Berdasarkan Kes

Pengecaman Corak

Pengecaman corak melibatkan kedua-dua corak visual dan audio [4]. Seperti manusia, darjah komputer dapat mempamerkan kelakuan pintar menerusi sistem pengecaman corak ialah suatu fungsi tentang keupayaannya memahami persekitaran dan keadaan sekelilingnya.

Jika sebuah komputer terbatas kepada strok kekunci dan tetikus maka keupayaannya untuk memahami juga terbatas terhadap persekitaran tersebut. Bagaimanapun, jika perkakasan dan perisian tambahan digunakan bagi membenarkan komputer tersebut mengesan buni dan corak atau bentuk, maka keseluruhan persekitaran baru tentang kemungkinan untuk mensimulasi kelakuan pintar dapat dicapai.

Sistem pengecaman corak yang maju dapat mengesan suara manusia, cap jari, atau sehingga mampu mengenalpasti seseorang melalui fotografi atau imej video mereka secara spesifik. Walaupun mekanisma pengecaman corak yang terdahulu menghadapi masalah kelajuan dan intensiti sumber, aplikasi pada masa kini tentang algoritma

pengaturcaraan yang baru telah membenarkan peningkatan dalam kebolehpercayaan dan kepraktikan pengecaman corak.

2.3 PEMBANGUNAN SISTEM AI YANG LAIN [3]

2.3.1 Pembelajaran Mesin

Pembelajaran mesin melibatkan mekanisma berdasarkan AI yang membenarkan komputer “belajar” daripada pengalaman-pengalaman lepas melalui contoh dan analogi. Hasil daripada pembelajaran mesin dapat dilihat dalam modifikasi kelakuan komputer terprogram, atau satu atau lebih modifikasi ke atas pengetahuan yang tersimpan dalam program komputer yang direkabentuk untuk memberi tindakbalas. Dua bidang yang terkenal dalam kajian dan aplikasi pembelajaran mesin ialah *rangkaian neural* dan *algoritma genetik*.

Rangkaian Neural. Cabang dalam sistem berdasarkan AI ini memberi fokus ke atas menghasilkan mekanisma berdasarkan komputer yang mensimulasi proses pembelajaran dalam otak manusia. Sebuah rangkaian neural berdasarkan komputer menggunakan suatu siri elemen pemprosesan secara matematik yang saling bersambungan, yang dipanggil *neuron*, yang mencari corak-corak dalam suatu set contoh dan belajar daripada contoh-contoh tersebut dengan menyelaraskan nilai pemberatan sambungan suatu neuron dengan neuron yang lain. Perubahan yang berterusan dan tetap dalam ketersambungan menghasilkan corak output yang spesifik yang serupa seperti otak manusia. Latihan rangkaian neural melibatkan input banyak contoh yang saling berkaitan diikuti oleh maklum balas tentang berjaya atau gagal dalam mengklasifikasi contoh-contoh tersebut.

Algoritma Genetik. Dikemukakan oleh John Holland semasa bekerja di MIT dalam tahun 1940an, istilah algoritma genetik merujuk kepada suatu set prosedur penyesuaian yang digunakan dalam sistem komputer yang berdasarkan teori Darwin tentang pemilihan natural dan survival hanya bagi mereka yang paling kuat. Berikutcadangan Darwin bahawa spesis-spesis melakukan penyesuaian terhadap perubahan dalam persekitaran

mereka dalam usaha mereka menjadi lebih dominan, algoritma genetik “menghasilkan semula” diri mereka dalam pelbagai kombinasi dalam usaha mencari kombinasi baru yang dapat menyesuaikan diri lebih baik daripada pewaris mereka. Satu kelebihan utama algoritma genetik ialah mereka dapat digunakan untuk memeriksa masalah-masalah kompleks tanpa memerlukan sebarang andaian tentang apakah jawapan atau penyelesaian yang sebenar yang sepatutnya. Algoritma genetik digunakan bersama dalam rangkaian neural dan sistem pakar untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang seperti penjadualan, rekabentuk, dan pemasaran.

2.3.2 Pengaturcaraan Automatik

Bidang ini melibatkan mekanisma yang menjanakan suatu program secara automatik bagi melaksanakan beberapa tugas yang telah ditetapkan. Melalui pendekatan ini, seseorang individu yang bukan pengaturcara dapat menerangkan sifat sesuatu tugas serta ciri-ciri dan kelakuan spesifik sesuatu program yang perlu dilaksanakan dalam sistem tanpa perlu mengetahui bagaimana untuk menulis program tersebut. Perisian pengaturcaraan automatik mengambil keterangan tadi sebagai input dan menjanakan program yang diingini.

2.3.3 Hayat Buatan (*Artificial Life - AL*)

AL ialah istilah yang digunakan untuk menerangkan suatu fokus berdasarkan AI yang baru yang mengkaji hayat “natural” dengan mencuba untuk menghasilkan semula fenomena biologi daripada apa yang ada dalam sistem berdasarkan komputer. Berbeza dengan pendekatan analitik tradisional tentang sains hayat dalam “mengasingkan” organisme hidup bagi melihat bagaimana mereka bekerja, AL cuba untuk “meletakkan bersama” sistem-sistem yang berkelakuan seperti organisme hidup. Potensi AL bukan hanya bergantung dalam pembangunan pemahaman teori yang lebih baik tentang fenomena biologi, bahkan juga dalam aplikasi yang praktikal tentang dasar-dasar biologi ke atas cabang yang lain seperti rekabentuk perkakasan dan perisian komputer, robotik,

rekabentuk kapal angkasa, perubatan, dan pelbagai tugas yang berkaitan dengan kejuruteraan.

atau prosesian semua buatan terperinci atau transaksi daripada sistem operasi, atau algoritma sekuensial yang mengandungi *rules* yang akan

2.4 TEKNOLOGI DATA [3]

2.4.1 Perlombongan Data

Definisi mudah bagi perlombongan data ialah suatu set aktiviti yang digunakan untuk mencari corak baru, tersembunyi, atau yang tidak dijangkakan dalam data. Melalui maklumat yang terkandung dalam gudang data, perlombongan data selalunya dapat memberi jawapan kepada persoalan tentang sesuatu organisasi yang sebelum ini tidak terfikir oleh pembuat keputusan (pihak pentadbiran).

Melalui penghasilan kelompok-kelompok data berpotensi untuk membantu

Satu sinonim yang sering digunakan untuk teknik perlombongan data ialah *knowledge data discovery* (KDD). Istilah yang lebih bermakna ini merujuk kepada semua aktiviti dan proses yang berkaitan penemuan pengetahuan yang berguna daripada data yang dikumpulkan. Melalui penggunaan kombinasi teknik seperti analisis statistik, neural dan logik kabur, analisis multidimensi, penggambaran data, dan agen pintar, KDD dapat menemui corak-corak yang sangat berguna dan bermaklumat dalam data yang dapat digunakan untuk membina model-model ramalan tentang kelakuan atau akibat dalam pelbagai domain pengetahuan yang meluas.

Teknik-teknik Perlombongan Data

Pelbagai teknik yang baru dan inovatif digunakan untuk melombong data dalam gudang data. Tanpa mengambil kira teknik yang spesifik, metod-metod perlombongan data boleh diklasifikasikan mengikut fungsi yang mereka lakukan atau mengikut kelas aplikasi yang mereka boleh digunakan. Melalui pendekatan ini, wujud empat kategori utama algoritma pemprosesan dan pendekatan *rule*:

- *Klasifikasi* Melalui pembinaan dan pemberian suatu model ramalan masalah aktiviti, metod pengklasifikasian perlombongan data dapat memberi jawapan atau penyelesaian yang berguna dan sangat tepat.

- *Persekutuan*

Melalui pencarian semua butiran terperinci atau transaksi daripada sistem operasian, satu algoritma sekutuan yang mengandungi *rules* yang akan mengaitkan satu set peristiwa atau item dengan yang lain dapat dibina.

- *Turutan*

Penurutan dan analisis siri-masa digunakan untuk mengaitkan peristiwa-peristiwa dalam masa dan, kemudian, menemui gaya tersembunyi bagi meramalkan peristiwa masa hadapan.

Pemvisualan data ialah proses data berangka diukur ke dalam bentuk gambar. Biasanya kelompok yang dilihat daripada sistem analisis ciri-ciri dan maklumat yang tersedia. Melalui penghasilan kelompok-kelompok data berpandukan kepada beberapa metrik atau set metrik dan menganalisis beberapa ciri ahli-ahli dalam kelas, daripada pengelompokan boleh menerbitkan *rules* tertentu.

Teknologi Perlombongan Data

Sebagaimana banyaknya teknik yang ada untuk membantu melombong data, juga terdapat banyak teknologi yang dapat digunakan dalam membina model-model perlombongan. Berikut merupakan beberapa teknologi tersebut:

- *Analisis Statistik*

Perlombongan data memerlukan penggunaan teknik-teknik statistik yang mampu mengendalikan keadaan-keadaan ketidaklinearan, data-data yang tidak tepat dan tidak bermakna, dan data bukan angka yang selalu terdapat dalam persekitaran gudang data.

- *Rangkaian neural, algoritma genetik, dan logik kabur*

Melalui penggunaan teknik-teknik pembelajaran mesin ini untuk menerbitkan makna daripada data, corak dan gaya yang komplikated dan tidak tepat dalam data itu dapat diekstrak dan dikesan.

Fungsi ■ Pokok Keputusan dan Pelayan

Melalui pemecahan set-set data kepada dua kumpulan yang lebih kecil secara berterusan, satu model ramalan dapat dibina. Teknik ini selalu digunakan dalam aplikasi perlombongan data untuk membantu dalam pengklasifikasian item atau peristiwa yang terkandung dalam gudang data.

2.4.2 Pemvisualan Data

Pemvisualan data ialah proses data barangka ditukarkan ke imej-imej yang bermakna. Biasanya, data mentah yang datang daripada sistem maklumat contohnya, sukar untuk diinterpretasi disebabkan banyaknya kuantiti dan kekompleksan maklumat dan corak yang tersembunyi. Kebolehan menghasilkan struktur dan model yang multidimensi daripada data mentah dapat membantu dalam menganalisis set-set data yang kompleks dengan memetakan ciri-ciri fizikal data tersebut yang dapat difahami oleh sistem visual manusia dengan baik. Pengenalpastian corak-corak yang tersembunyi yang terkandung dalam data dapat dipercepatkan.

2.5 TEKNOLOGI PEMPROSESAN PANGKALAN DATA

2.5.1 Senibina Pelanggan-Pelayan


Sebuah sistem pelanggan-pelayan ialah sebuah rangkaian komputer dengan beberapa komputer (dipanggil *pelanggan*) memproses aplikasi manakala komputer-komputer yang lain (dipanggil *pelayan*) memberi servis kepada pelanggan [5].

Sebuah sistem pangkalan data pelanggan-pelayan pula ialah sebuah sistem pelanggan-pelayan dengan sekurang-kurangnya sebuah pelayan menyimpan dan memproses sebuah atau lebih pangkalan data

Fungsi Komputer Pelanggan dan Pelayan

Dalam sistem pangkalan data pelanggan-pelayan, program aplikasi ditempatkan pada komputer pelanggan manakala program DBMS serta sistem pengendalian (OS) pengurusan fail ditempatkan pada komputer pelayan. Ini dapat dilihat dalam rajah 3.

- Melaksanakan *business rules*.
- Memproses permintaan pangkalan data.



Fungsi pemandu DBMS pula ialah menerima permintaan-permintaan pemrosesan daripada aplikasi dan memformatkannya untuk penghantaran kepada DBMS. Pemandu DBMS juga menerima respons daripada DBMS dan memformatkannya untuk keperluan aplikasi.

Suatu lapisan perisian komunikasi ditempatkan pada kedua-dua pelanggan dan pelayan. Peranan perisian ini ialah berinteraksi dengan perkakasan komunikasi bagi menghantar dan menerima mesej-mesej antara pemandu DBMS dengan DBMS.

Model Arah yang ditunjukkan berdasarkan proses kejuruteraan konvensional. Proses-proses yang jelas dan fasa-fasa pembangunan yang mudah diikuti ini dapat meningkatkan

Peranan Komputer Pelanggan dan Pelayan

Jadual 1 menunjukkan peranan komputer pelanggan dan komputer pelayan dengan lebih jelas.


Peranan	
Pelanggan	Pelayan
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menguruskan antaramuka pengguna. ▪ Memproses logik aplikasi. ▪ Melaksanakan <i>business rules</i>. ▪ Menjana permintaan pangkalan data (SQL). ▪ Menghantar permintaan pangkalan data ke pelanggan. ▪ Menerima keputusan daripada pelanggan. ▪ Memformat keputusan-keputusan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menerima permintaan pangkalan data daripada pelanggan. ▪ Memproses permintaan pangkalan data. ▪ Memformat keputusan-keputusan dan menghantarnya ke pelanggan. ▪ Melaksanakan <i>business rules</i>. ▪ Melakukan pemeriksaan integriti. ▪ Menyelenggara limpahan data dalam pangkalan data. ▪ Memberi kawalan capaian serempak. ▪ Memberi servis pemulihan dan keselamatan.

Jadual 1: Peranan Komputer Pelanggan dan Pelayan.

2.6 METODOLOGI [6]

2.6.1 Model Air Terjun (Waterfall Model)

Model Air Terjun diolah berdasarkan proses kejuruteraan konvensional. Proses-proses yang jelas dan fasa-fasa pembangunan yang mudah diikuti. Ini dapat meningkatkan ketelusan suatu projek dengan penghasilan dokumen-dokumen pada setiap fasa.



Rajah 4: Model Air Terjun

Model V ialah variasi daripada Model Air Terjun yang dibangunkan dan ditanam dalam ranah Perkhidmatan Negara Jerman. Dalam model ini sistem merentakkan temuduga dengan analisis dan operasi dan penyelenggaraan berada di bahagian atas.

Analisa keperluan

Keperluan sistem dikumpulkan dan didefinisikan. Matlamat dankekangan sistem juga dikenalpasti.

Rekabentuk sistem

Aplikasi yang bakal wujud dalam sistem direkabentuk berdasarkan definisi keperluan.

Implementasi

Rekabentuk sistem dibangunkan menjadi beberapa jujukan aturcara dan diimplementasi untuk fasa pengujian.

Pengujian

Pengesahan sistem dan spesifikasi yang akan dilaksanakan oleh sistem. Ini melibatkan pengujian, pengujian integrasi, dan rekabentuk sistem.


Seti Operasi dan Penyelenggaraan [di kiri dan ke bahagian kanan Model V menunjukkan jika sistem digunakan secara praktikal. Penyelenggaraan ialah proses baik-pulih kesalahan yang ada, penyempurnaan sistem dan menyesuaikannya kepada keperluan persekitaran. [buat di sebelah kanan. Model V menjelaskan lagi langkah-langkah dan pengujian yang tersembunyi di dalam Model Air Terjun. Fokus Setiap fasa mestilah diselesaikan sebelum ke fasa yang berikutnya dan jika tidak memenuhi keperluan fasa yang sebelumnya atau fasa permulaan akan dibuat semula sehingga segala keperluan dipenuhi.

2.6.3 Model Pengaruh Pantas (Rapid Prototyping Model)

2.6.2 Model V (The V Model)

Model V ialah variasi daripada Model Air Terjun. Idea ini datang dari Jabatan Pertahanan Negara Jerman. Dalam rajah kod aturcara membentuk bentuk "v", dengan analisis dan proses rekabentuk berada di bahagian kiri, dan pengujian dan penyelenggaraan berada di bahagian kanan.

Rajah 5: Model V




Sambungan rangkaian dari bahagian kiri dan ke bahagian kanan Model V menunjukkan jika ada masalah timbul pada waktu pengesahan dan pentahkikan, maka bahagian kiri model boleh dibuat semula untuk memperbaiki keperluan, rekabentuk, dan kod aturcara sebelum langkah pengujian dibuat di sebelah kanan. Model V menjelaskan lagi langkah-langkah dan pengulangan yang tersembunyi di dalam Model Air Terjun. Fokus utama Model V adalah aktiviti yang dilakukan dan kesempurnaannya.

2.6.3 Model Pemprototaipan Pantas (Rapid Prototyping Model)

Pemprototaipan Pantas adalah satu proses yang membenarkan pembangun membentuk model sistem yang hendak dibuat. Model ini adalah subset daripada sistem yang hendak dilaksanakan. Ia selalunya terdiri daripada paparan kemasukan data, antaramuka pengguna dan laporan.


Dalam pendekatan ini pembangun sistem terus membina satu prototaip dengan cepat dan membenarkan pengguna berinteraksi dan mengeksperimentasi dengannya. Jika pengguna berpuas hati dengan prototaip tersebut pembangun akan mengumpulkan spesifikasi dan jaminan yang produk akhir akan memenuhi keperluan pengguna. Proses akan diteruskan dengan fasa rekabentuk dan implementasi.

Rajah 6: Model Pemprototaipan Pantas



2.6.4 Model GUIDE (Graphical User Interface Development and Evaluation)

GUIDE bermaksud pembangunan dan penilaian rekabentuk antaramuka bergrafik. Ia adalah satu model yang menitikberatkan kebolehgunaan sesuatu sistem. GUIDE menggabungkan teknik-teknik komplementari yang diintegrasikan menjadi satu rangka kerja yang lengkap. Proses GUIDE menggabungkan juga beberapa proses peringkat rendah. Setiap proses ada objektif tersendiri dan menghasilkan produk yang jelas didefinisikan.



HCI menggabungkan istilah Rekabentuk GUI atau dan manusia yang menitikberatkan relasional, penting untuk implementasi antara sistem komputer dan manusia. Ia mengaitkan keseronokan dalam kerja dengan keseimbangan antara kedua-duanya.

Rajah 7: Model GUIDE

Gambarajah mewakili setiap proses dan bagaimana ia berkait antara satu sama lain. Kotak mewakili proses, garisan pula mewakili bagaimana produk dihasilkan dalam sesuatu proses dan menjadi input untuk proses yang lain.

Beberapa faktor diambil kira sebelum prototaip dibina:

- siapakah yang akan menjadi pengguna akhir
- keperluan kebolehgunaan
- tugas pengguna
- objek pengguna
- panduan gaya

Proses rekabentuk GUI, prototaip GUI, dan penilaian GUI bertindih dan secara praktiknya akan bergabung antara satu sama lain. Aktiviti rekabentuk GUI akan berkembang dan melalui proses yang berulangan ia akan mendapat maklumbalas dari prototaip dan penilaian yang dijalankan.

2.7 BAHAN LITERASI YANG LAIN

2.7.1 HCI (Human Computer Interaction)

HCI didefinisikan sebagai:

“Human-computer interaction is a discipline concerned with the design, evaluation and implementation of interactive computing systems for human use and with the study of major phenomena surrounding them.”

HCI merupakan suatu interaksi antara komputer dan manusia yang menitikberatkan rekabentuk, penilaian dan implementasi antara sistem komputer dan manusia. Ia mengkaji keadaan sekeliling yang mempengaruhi interaksi antara kedua-duanya.

Dalam perspektif sains komputer fokus utama HCI ialah interaksi antara satu atau lebih manusia dengan mesin. Skop HCI tidak tertumpu kepada komputer sahaja kerana skopnya boleh menjadi lebih menyeluruh. Ini kerana antaramuka yang ada tidak hanya pada skrin komputer tetapi terdapat juga di menu ketuhar gelombang, telefon bimbit, pengawal jarak jauh dan pelbagai alatan elektronik lain. Interaksi yang berlaku antara mesin dan manusia akan menjadi lebih efektif sekiranya wujud satu ‘persefahaman’ sehingga pengguna tidak perlu membaca manual sebelum menggunakan sesuatu alatan.

Interaksi manusia dan komputer sebagai satu bidang boleh dijelaskan sebagai:

- a) HCI menitikberatkan kepada hasil yang akan dicapai apabila interaksi antara komputer dan manusia berjaya.
- b) Struktur komunikasi antara komputer dan manusia.
- c) Kebolehan manusia menggunakan antaramuka.
- d) Algoritma dan pengaturcaraan untuk membentuk antaramuka itu sendiri.
- e) Faktor yang timbul apabila merekabentuk dan membangunkan antaramuka.
- f) Proses spesifikasi, rekabentuk dan implementasi antaramuka.

2.7.2 GUI (Graphical User Interface) [7]

Rekabentuk antaramuka bergrafik (GUI) ialah media komunikasi antara manusia dan komputer. Antaramuka merupakan salah satu bahagian komputer yang membenarkan manusia berinteraksi dengan komputer.

Antaramuka yang selalu digunakan adalah:

- Perkakasan komputer seperti papan kekunci, tetikus, dan skrin.
- Imej yang dijanakan oleh perisian seperti Windows, menu, dan mesej..

- Dokumentasi pengguna - selalunya bahan bercetak seperti manual pengguna dan kad rujukan.

Pengguna tiada capaian ke bahagian dalaman komputer kecuali melalui antaramuka. Tujuan utama antaramuka ialah kebolehgunaan sistem oleh pengguna. Antaramuka yang paling kritisial ialah antaramuka yang boleh digunakan.

Kebolehgunaan termasuk kesenangan untuk belajar menggunakan dan keberkesanan menggunakan. Kebolehgunaan antaramuka ialah faktor yang penting tetapi sukar untuk dicapai. Kebolehgunaan bermaksud penyesuaian manusia yang hendak menggunakan sistem dengan sistem komputer itu sendiri. Ini akan menimbulkan isu psikologi yang rumit terhadap ingatan manusia, persepsi dan tanggapan konsepsual. Kebolehgunaan ialah kualiti yang paling penting dalam rekabentuk projek ini.

Bagi merekabentuk antaramuka, tiga konsep utama diikuti iaitu:

1. Pastikan pengguna dapat mengawal keadaan.

- interaksi didefinisikan dengan cara tidak memaksa pengguna melakukan tugas yang tidak perlu
- menghasilkan interaksi yang fleksibel
- memberikan kuasa kepada pengguna untuk menyesuaikan diri kepada interaksi
- langkah-langkah teknikal disembunyikan daripada pengguna
- interaksi mestilah secara terus dengan paparan di atas skrin

2. Pastikan pengguna tidak perlu mengingat.

- tidak perlu mengingat setiap langkah

- memastikan mengadakan senarai apa yang pernah dibuat supaya pengguna nilai dalam lalai (*default*) bermakna
- paparan visual antaramuka mestilah berdasarkan sesuatu yang bermakna

1. Prototaip "low-fidelity"

3. Antaramuka haruslah konsisten

- membenarkan pengguna melaksanakan tugas dalam konsep yang bermakna
- meneruskan konsistensi di sepanjang sistem
- tidak menukar gaya antaramuka yang sudah dibiasakan dengan pengguna kecuali jika ia benar-benar perlu

2. Prototaip "high-fidelity"

Tiga konsep utama di atas merupakan asas prinsip rekabentuk antaramuka dalam membangunkan antaramuka yang berkualiti.

2.7.3 Pemprototaipan [8]

Pemprototaipan ialah satu proses berulangan dalam fasa rekabentuk sistem, penilaian sistem dan proses baik-pulih sistem. Prototaip digunakan untuk menggambarkan keadaan bagaimana sistem tersebut apabila ia telah siap dihasilkan. Prototaip membenarkan kita menguji sistem yang ada walaupun ia belum siap dibangunkan. Prototaip ialah gambaran atau sebahagian daripada sistem sebenar.

